

NOTIS AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Notis data peribadi ini dikeluarkan bagi tujuan mematuhi keperluan undang-undang di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**PDPA**") dan khususnya di bawah Seksyen 7 PDPA. Notis PDPA ini menerangkan cara Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera ("**Yayasan Peneraju**") mengumpul dan mengendalikan maklumat peribadi anda mengikut PDPA. Sila ambil perhatian bahawa Yayasan Peneraju boleh meminda notis ini pada bila-bila masa tanpa apa-apa notis diberikan terlebih dahulu.

1. DATA PERIBADI

Bagi membolehkan Yayasan Peneraju memproses permohonan anda, Yayasan Peneraju perlu dan/atau mungkin diperlukan untuk mengumpul, merekod, memegang, mengguna, mendedahkan dan menyimpan maklumat peribadi dan kewangan anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a) nama;
- b) nombor telefon;
- c) alamat;
- d) alamat mel elektronik;
- e) fotograf;
- f) nombor kad pengenalan dan/atau pasport;
- g) maklumat akaun bank;
- h) keputusan akademik;
- i) maklumat perubatan;
- j) semua maklumat peribadi lain yang diminta dalam borang permohonan; dan
- k) semua maklumat peribadi lain yang boleh dikumpulkan oleh Yayasan Peneraju daripada anda pada masa akan datang;

(kemudian daripada ini dirujuk secara kolektif sebagai "**Data Peribadi**").

2. KEWAJIPAN MEMBEKALKAN DATA PERIBADI

Anda wajib membekalkan Data Peribadi anda kepada Yayasan Peneraju. Sekiranya anda gagal berbuat demikian, Yayasan Peneraju berhak untuk tidak meneruskan pemprosesan permohonan anda.

3. SUMBER DATA PERIBADI

Yayasan Peneraju akan mendapatkan Data Peribadi daripada anda dan pelbagai sumber, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a) maklumat yang diberikan di dalam borang permohonan; atau
- b) komunikasi lisan dan bertulis dengan Yayasan Peneraju; atau
- c) pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada majikan dan penjamin; atau

[To be transcribed on Yayasan Peneraju's letterhead"]

- d) sumber-sumber lain yang mana anda telah memberikan persetujuan untuk mendedahkan maklumat berkaitan anda.

4. TUJUAN MEMPROSES DATA PERIBADI

Tujuan memproses atau/dan menggunakan Data Peribadi anda adalah untuk, tetapi tidak terhad kepada:

- a) berkomunikasi dengan anda;
- b) mentadbir dan menjalankan penilaian terhadap permohonan anda untuk mendapatkan biasiswa daripada Yayasan Peneraju;
- c) menyediakan perkhidmatan kepada anda;
- d) memproses transaksi pembayaran kepada anda;
- e) tujuan pentadbiran;
- f) tujuan keselamatan dan pencegahan penipuan;
- g) penyimpanan rekod dalaman;
- h) analisis statistik;
- i) tadbir urus korporat Yayasan Peneraju;
- j) melindungi atau menguatkuasakan hak Yayasan Peneraju untuk mendapatkan semula apa-apa hutang kepada Yayasan Peneraju;
- k) apa-apa tujuan lain yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang, peraturan dan/atau pihak berkuasa pengawalseliaan yang berkaitan;
- l) untuk fungsi dan operasi program berkaitan; dan
- m) untuk penggunaan promosi dalam pelbagai format yang tidak terhad kepada media (tradisional dan baharu), dek pembentangan, penerbitan, cagaran dan sebagainya.

5. HAK MEMOHON UNTUK AKSES DAN MEMBUAT PERTANYAAN

- 5.1 Anda boleh, pada bila-bila masa memohon untuk akses kepada, atau memohon untuk pembaikan atau pembedulan Data Peribadi anda atau menghadkan pemprosesan Data Peribadi tersebut oleh Yayasan Peneraju mengikut mana-mana yang berkenaan, tertakluk kepada pengecualian dan sekatan yang terkandung di bawah undang-undang yang berkenaan. Sekiranya anda ingin berbuat demikian, sila hubungi Yayasan Peneraju melalui e-mel, panggilan telefon atau surat-menyurat.
- 5.2 Anda boleh menghubungi Yayasan Peneraju jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan atau aduan berhubung Data Peribadi anda yang diberikan kepada Yayasan Peneraju.
- 5.3 Walau apa pun Klausula 5.1 dan 5.2, Yayasan Peneraju berhak untuk menolak permohonan anda untuk mengakses dan/atau membuat pembedulan ke atas Data Peribadi anda setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan.

6. PENDEDAHAN DATA PERIBADI

- 6.1 Data Peribadi anda yang diberikan kepada atau diperoleh oleh Yayasan Peneraju akan disimpan secara sulit. Walau bagaimanapun, Yayasan Peneraju mungkin perlu untuk menggunakan khidmat organisasi pihak ketiga, penyedia perkhidmatan atau individu untuk mengendalikan perkhidmatan tertentu bagi pihak Yayasan Peneraju. Dalam keadaan demikian, anda dengan ini bersetuju bahawa Yayasan Peneraju boleh mendedah dan memindahkan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga tersebut, di dalam atau di luar Malaysia termasuk tanpa had, seperti berikut:
- a) rakan program; atau
 - b) rakan strategik; atau
 - c) Penjamin (*Pledger*); atau
 - d) bank dan institusi kewangan; atau
 - e) institusi pendidikan; atau
 - f) penyedia insurans; atau
 - g) penyedia kemudahan penyimpanan; atau
 - h) firma undang-undang yang mewakili Yayasan Peneraju; atau
 - i) pihak lain yang dianggap perlu oleh Yayasan Peneraju.
- 6.2 Yayasan Peneraju juga boleh mendedah dan memindahkan maklumat kepada mana-mana badan berkanun, badan pengawalseliaan dan/atau pihak berkuasa kerajaan apabila perlu berbuat demikian tertakluk kepada undang-undang.

YAYASAN PENERAJU PENDIDIKAN BUMIPUTERA